

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong MyPAL. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat akaun, dan terma & syarat Kad Debit Hong Leong)



Hong Leong MyPAL

Date:

1. Apakah produk ini?

MyPAL ialah suatu kemudahan bernilai RM200 yang disediakan kepada Akaun Semasa Asas dan Akaun Semasa tanpa kemudahan overdraf (“Akaun”). Kemudahan ini boleh digunakan apabila Akaun anda tidak mempunyai baki cukup atau tiada baki.

2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Dengan MyPAL saya boleh mengeluarkan wang tunai sehingga RM200 menerusi ATM, membuat pembelian di tempat jualan, pembelian dalam talian (internet), pengeluaran cek, debit terus dan Arahan Tetap daripada Akaun dan/atau Kad Debit.

3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?

Terbuka kepada Pemegang Individu Akaun Semasa Asas dan Semasa berumur antara 18 dan 55 tahun tertakluk kepada kelulusan HLB.

4. Bagaimanakah cara memohon produk ini?

Mohonlah melalui cawangan asal anda dengan membawa:

- Kad Pengenalan; dan
- Resit atau penyata Deposit Tetap Hong Leong dengan deposit minimum RM1,000;
- Bukti pekerjaan:
 - Slip gaji terkini; atau
 - Surat Pekerjaan Sekarang; atau
 - Penyata KWSP terkini; atau
- Baki deposit minimum RM500 dalam Akaun
- Kad Debit sah yang dipautkan kepada Akaun

5. Apakah fi dan caj yang dikenakan?

Perihal	Fi
Fi Kemudahan	RM15 setiap penggunaan
Fi Bayaran Lewat	RM1 setiap 3 hari, sehingga maksimum RM9

6. Apakah akan berlaku apabila saya menggunakan MyPAL?

Anda dibolehkan membuat transaksi berbilang kali dalam sehari sehingga mencecah RM200. Contohnya seperti di bawah:

Date	Transaction Description	Deposit (RM)	Withdrawal (RM)	Balance (RM)
	Balance from previous statement			50
4-Mar	ATM Cash withdrawal		150	(100)
4-Mar	POS Purchase		50	(150)
5-Mar	MyPAL Convenience Fee		5	(155)
5-Mar	MyPAL Convenience Fee		5	(160)
6-Mar	Repayment	200		40
7-Mar	Account Balance			40

SMS akan dihantar kepada anda pada hari esoknya untuk mengingatkan anda tentang amaun yang anda kena bayar balik, dan tarikh akhir anda kena bayar. Anda hendaklah membayar balik amaun transaksi (termasuk fi kemudahan) dalam masa 3 hari dari tarikh transaksi. Transaksi debit selanjutnya tidak dibenarkan dari tarikh esoknya sebaik sahaja anda habis menggunakan MyPAL. Akan tetapi, transaksi deposit/kredit masih boleh dilakukan. Setelah anda melangsaikan amaun yang terhutang itu, bayaran yang dibuat akan dipaparkan hari berikutnya dan sekatan akaun anda dibebaskan.

7. Bagaimana saya boleh menyemak baki akaun saya?

Anda boleh menyemak baki akaun anda secara online di Hong Leong Connect, ATM atau penyata akaun.

8. Apakah obligasi saya?

Obligasi di bawah MyPAL adalah fi kemudahan yang dikenakan bagi setiap kegunaan dan fi Bayaran Lewat.

9. Bolehkah MyPAL dibatalkan?

Boleh. Anda boleh membatalkan kemudahan MyPAL menerusi cawangan asal Hong Leong Bank anda pada bila-bila masa dengan syarat:

- Akaun anda tidak mempunyai baki debit; atau
- Akaun anda tidak mempunyai baki yang diperuntukkan

10. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Akaun anda akan disekat bagi sebarang transaksi debit pada hari esoknya apabila habis menggunakan MyPAL.
- Timbul beberapa risiko jika anda tidak membayar balik amaun yang terhutang dalam tempoh yang diberi. Fi bagi bayaran lewat ialah RM1 bagi setiap 3 hari, sehingga maksimum RM9.
- Bank berhak untuk tolakselesai dan memindahkan apa-apa wang daripada akaun Deposit Hong Leong Bank anda yang sedia ada untuk melangsaikan amaun belum jelas itu. Ingat, anda mungkin dilarang meneruskan penggunaan MyPAL biarpun bayaran balik sudah dibuat.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau sandaran?

Tidak

12. Bagaimana jika saya ingin menukar butir-butir perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda seperti nombor telefon, alamat dan emel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila kunjungi salah satu daripada cawangan kami di seluruh negara.

- Sekiranya anda adalah pengguna Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian), penyata akaun akan disediakan untuk tatapan / muat turun di Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian).
- Sekiranya anda bukan pengguna Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian), penyata akaun akan dihantar kepada anda melalui emel. Tiada penyata akaun bercetak atau salinan keras.

13. Bagaimana jika saya membayar balik amaun transaksi (termasuk fi kemudahan) pada hari yang sama?

Akaun anda TIDAK akan disekat, maka anda masih boleh menggunakan Akaun anda untuk transaksi Debit/Kredit.

14. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda seharusnya menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:

Consumer Collection Centre, Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor

Tel: +603-7952 3388 Facsimile: +603-7874 5050 Email: MCC2@hlbb.hongleong.com.my

Alternatifnya, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu.

Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-2616 7766 Email: enquiry@akpk.org.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5665 Fax: +603-2174 1515 Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

PERINGATAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR BALIK HUTANG ANDA